

20/11/1999

Pas semakin tidak yakin pakatan pembangkang

KUALA LUMPUR, Jumaat - Walaupun hanya tinggal beberapa hari saja sebelum pengundian, Pas semakin hilang keyakinan terhadap keupayaan pakatan parti pembangkang untuk memenangi pilihan raya kali ini.

Perkara itu diakui Naib Presiden Pas Pusat, Mustafa Ali, dalam satu sidang media di sini hari ini.

Sebaliknya, parti itu menetapkan sasaran bahawa pakatan pembangkang hanya mampu menafikan majoriti dua pertiga yang dimenangi Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya lalu.

"Secara jujur saya mengakui sukar bagi pakatan ini memenangi pilihan raya dengan majoriti mudah.

"Tetapi, kami yakin dapat mengurangkan majoriti dua pertiga BN dan menawan empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu Kedah dan Perlis," katanya.

Hadir sama Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Pengerusi DAP Pusat, Dr Chen Man Hin; Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang dan Pengerusi Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Hussin Ali.

Mustafa turut mengumumkan Pas memilih ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Subky Latiff, bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu bagi menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempertahankan kerusinya di sana.

Selain itu, beliau turut mengesahkan Pas akan bertanding di 59 kawasan Parlimen, termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Dua lagi kerusi untuk calonnya setiap satu di Sabah dan Sarawak sedang dirunding.

Sebelum ini, seorang lagi Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr Harun Din, dikatakan akan bertanding menentang Dr Mahathir di Kubang Pasu.

"Tidak, Dr Harun Din akan bertanding di tempat lain. Pas memilih Subky kerana yakin dengan kemampuannya," katanya.

(END)